

Tajuk : Tenaga Alternatif (Buku Teks muka surat 161)

Arahan : Sila tonton video di bawah dan cuba praktis mendeklamasikan sajak seperti di dalam video. Selepas itu, sila padankan rangkap sajak dengan maksudnya yang betul.



MAKSUD

Tenaga Alternatif

Syukur kepada Tuhan
anugerah alam-Nya luas
nikmat-Nya tidak terhingga
akal kita mampu mengolahnya.

Ke hilir air yang mengalir
mampu diempang membukit
memutar turbin tanpa jemu
menghasilkan tenaga elektrik.

Angin yang bertiup nyaman
bilah raksasa boleh terpusing
mudah tenaga elektrik terhasil
tanpa sedikit pun merosakkan alam

Panel-panel hitam solar
mampu menyerap cahaya
mengolah dan menyimpan
hasilnya menjadi tenaga.

Marilah warga dunia
gunakanlah anugerah ini
dengan sebaik-baiknya
alam buana pasti ceria.

Nukilan: Hasdi



Panel solar mampu menyerap cahaya matahari untuk diolah dan disimpan bagi menghasilkan tenaga elektrik

Kincir angin yang berpusing ligat mudah untuk menghasilkan tenaga elektrik tanpa menjejaskan kelestarian alam

Penyajak menyeru penduduk dunia agar menggunakan anugerah ini dengan sebaik-baiknya demi menjaga kelestarian alam

Kita haruslah bersyukur kepada Tuhan kerana diberikan kesempatan untuk menikmati kehidupan dalam alam yang luas sehingga tidak mampu terfikir oleh akal fikiran manusia

Air sungai yang mengalir ke hilir dapat dibuat empangan bagi menghasilkan tenaga elektrik dengan menggunakan turbin